A

Muhammad Razi bin Razali dan satu lagi lwn Muhammad Amirul Asraf bin Selamat dan satu lagi

B

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — RAYUAN SIVIL NO BA-12B-149–09 TAHUN 2017
CHE MOHD RUZIMA H
13 MEI 2019

C

Tort — Kemalangan jalan raya — Tuntutan ganti rugi — Mahkamah bicara membenarkan ganti rugi RM80,000 kepada respoden pertama — Perayu merayu terhadap keputusan mahkamah bicara — Sama ada mahkamah bicara khilaf dalam menentukan isu kuantum — Sama ada ganti rugi yang diberikan oleh hakim bicara munasabah

D

Ini adalah rayuan yang dikemukakan perayu-perayu terhadap keputusan hakim bicara mahkamah sesyen di atas isu kuantum sahaja setelah pihak-pihak bersetuju merekodkan penghakiman di atas isu liabiliti. Hakim bicara telah membenarkan sejumlah RM193,500 bagi ganti rugi am kecederaan, kesakitan dan kehilangan ameniti serta sebanyak RM80,000 untuk ganti rugi am kehilangan keupayaan bekerja kepada responden pertama. Selain itu hakim bicara juga membenarkan sejumlah RM8,759 ganti rugi khas bagi kos perjalanan, kos rawatan dan kos pembedahan masa hadapan. Bagi responden kedua pula, hakim bicara telah membenarkan sejumlah RM4,000 sebagai ganti rugi am bagi kecederaan yang dialami. Hakim bicara tidak menyatakan apa-apa alasan semasa membuat keputusan untuk memberikan ganti rugi sebanyak RM80,000 kepada responden pertama sebagai ganti rugi bagi kehilangan keupayaan bekerja. Hakim bicara hanya menyatakan persetujuan ke atas jumlah yang dicadangkan di dalam cadangan alternatif peguam responden pertama.

E

F

G

Diputuskan, membenarkan sebahagian rayuan perayu:

H

(1) Di bawah 'common law', seseorang berhak menuntut ganti rugi disebabkan kehilangan pendapatan masa hadapan tidak kiralah sama ada kehilangan pendapatan sebenar atau kehilangan keupayaan mendapat pendapatan. Ganti rugi tersebut hanya dibenarkan bagi kerugian yang boleh ditaksir secara nyata iaitu kerugian yang dapat dinilai pada tarikh perbicaraan. Berdasarkan kepada keadaan yang dilaporkan kedua-dua pakar perubatan dalam kes semasa, nyatalah responden pertama ada mengalami masalah untuk melakukan kerja yang melibatkan penggunaan kaki untuk satu jangka masa yang lama. Dengan adanya kehilangan keupayaan seperti yang dinyatakan di dalam keterangan

I

pegawai perubatan, sedikit sebanyak akan menjejaskan peluang responden pertama memasuki pasaran pekerjaan dan memperoleh pekerjaan sama seperti sebelum kemalangan. Oleh itu, wujud risiko sebenar dan substansial yang dihadapinya responden pertama untuk memperoleh pendapatan yang sama seperti mana sebelum kecederaan (lihat perenggan 6, 8 & 11–12).

(2) Walau apapun kaedahnya, pendapatan asal responden pertama perlulah dijadikan asas perkiraan iaitu dibayar gaji pokok sebanyak RM900 sebulan sebagai seorang agen jualan. Sekiranya responden pertama memasuki pasaran kerja, jangkaan bahawa plaintif mendapat pendapatan yang lebih rendah adalah sangat berkemungkinan berdasarkan ketidakupayaan yang dialami akibat kecederaan. Sekiranya dikira dari segi peratusan keupayaan responden pertama berdasarkan keadaan fizikal selepas kemalangan, kadar pengurangan 35%, iaitu lebih kurang 1/3 pengurangan, adalah sangat munasabah. Memandangkan usia responden pertama adalah kurang daripada 30 tahun semasa kemalangan, tahun penggandaannya mengikut undang-undang adalah 16. Dengan itu, asas perkiraan tahunan adalah di atas kadar RM3,780 iaitu RM315 x 12. Jumlah perkiraan tahunan tersebut didarab pula dengan penggandaan 16, jumlahnya adalah RM60,480. Angka tersebut dibulatkan dan jumlah ganti rugi bagi kehilangan keupayaan yang wajar diberikan kepada responden pertama adalah RM60,000 (lihat perenggan 14).

[English summary

This is an appeal by the appellants against the decision of the sessions court trial judge on the sole issue of quantum upon the consent of the parties were recorded in judgement on the issue of liability. The trial judge allowed a sum of RM193,500 in damages for injury, pain and loss of amenities and RM80,000 for special damages for loss of employment capacity to the first respondent. The trial judge also allowed RM8,759 in special damages for travelling costs, treatment costs and future operation costs. As for the second respondent, the trial judge had allowed a sum of RM4,000 in damages for the injury suffered. The trial judge did not specify any grounds in granting the damages of RM80,000 to the first respondent as damages for loss of working ability. The trial judge had only expressed consent of the amount proposed in the alternative proposal of the first respondent's counsel.

Held, allowing a part of the appeal of the appellant:

(1) Under common law, a person is entitled to claim damages caused by loss of future earnings either the loss of actual income or loss of earning capacity. Such damages are only allowed for a fairly assessable loss which is a loss that can be assessed on the trial date. Based on the circumstances reported by both physicians in the present case, it was clear that the first

respondent was having difficulty in performing work involving the use of his leg for a long period of time. Based on the loss of capacity as stated in the medical officer's evidence, it will affect the first respondent's opportunity to enter the job market and obtain the same job as before the accident. Therefore, there was a real and substantial risk faced by the first respondent to earn the same income as before the injury (see paras 6, 8 & 11–12).

(2) Regardless of the method, the first respondent's initial income should be the basis of calculation ie to be paid a basic salary of RM900 per month as a sales agent. If the first respondent entered the job market, the expectation that the plaintiff earned a lower income was very likely based on the inability to suffer from injury. If calculated in terms of percentage of first respondent's ability based on physical condition after the accident, the reduction rate of 35%, which was about 1/3 reduction, was very reasonable. Given the age of the first respondent was less than 30 years old during the accident, the yearly multiplier under the law would be 16. Hence, the base yearly arrangement is above the RM3,780 rate of RM315 x 12. The total calculation sum multiplied with a multiplier of 16, was a sum of RM60,480. The figure was rounded and the amount of compensation for a reasonable loss of capacity granted to the first respondent was RM60,000 (see para 14).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai tuntutan ganti rugi, lihat 12(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 2388–2389.

Kes-kes yang dirujuk

Dirkje Peiternella Halma v Mohd Noor bin Baharom & Ors [1990] 3 MLJ 103, MA (dirujuk)
Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah [1985] 1 MLJ 30, MP (dirujuk)
Smith v Manchester Corporation [1974] 17 KIR 1, MR (dirujuk)
Sumarni v Yow Bing Kwong & Anor [2008] 1 MLJ 608, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Undang-Undang Sivil 1956 s 28A(2)(c), (2)(d)

Patwant Singh (Matthew Thomas & Co) bagi pihak perayu.
Vijayakumar Jothilingam (PS Sohanpal & Sidhu) bagi pihak responden.

Che Mohd Ruzima H:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah rayuan yang dikemukakan perayu-perayu/defendan-defendan (pihak defendan) terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen ('HMS') Sepang di atas isu kuantum sahaja setelah pihak-pihak bersetuju merekodkan penghakiman di atas isu liabiliti. HMS telah membenarkan sejumlah RM193,500 bagi ganti rugi am kecederaan, kesakitan dan kehilangan ameniti serta sebanyak RM80,000 untuk ganti rugi am kehilangan keupayaan bekerja kepada responden pertama/plaintif pertama ('P1'). Selain itu HMS juga membenarkan sejumlah RM8,759 ganti rugi khas bagi kos perjalanan, kos rawatan dan kos pembedahan masa hadapan. Bagi responden kedua/plaintif kedua pula, HMS telah membenarkan sejumlah RM4,000 sebagai ganti rugi am bagi kecederaan yang dialami.

[2] HMS tidak menyatakan sebarang alasan semasa membuat keputusan untuk memberikan ganti rugi sebanyak RM80,000 kepada P1 sebagai ganti rugi bagi kehilangan keupayaan bekerja. HMS hanya menyatakan persetujuan ke atas jumlah yang dicadangkan di dalam cadangan alternatif peguam P1.

KEPUTUSAN MAHKAMAH DI PERINGKAT RAYUAN

[3] Setelah meneliti dan menimbang rekod rayuan serta hujahan yang dikemukakan peguam kedua belah pihak, mahkamah memutuskan untuk membenarkan sebahagian sahaja daripada rayuan pihak defendan. Ganti rugi am bagi kecederaan di kepala P1 dikurangkan daripada RM45,000 kepada RM15,000, ganti rugi khas bagi kos pembedahan masa depan P1 dikurangkan dari RM7,000 kepada RM2,000 dan ganti rugi am kehilangan keupayaan bekerja P1 dikurangkan daripada RM80,000 kepada RM60,000. Keputusan lain HMS dikekalkan.

[4] Terkilan dengan keputusan tersebut, pihak defendan mengemukakan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan dengan mengehadkan rayuan kepada isu ganti rugi am kehilangan keupayaan bekerja yang diberikan kepada P1. Oleh itu, penghakiman ini juga akan hanya ditumpukan kepada isu tersebut sahaja.

DAPATAN MAHKAMAH KE ATAS ISU KEHILANGAN KEUPAYAAN BEKERJA P1

[5] Undang-undang berhubung dengan tuntutan kehilangan pendapatan di masa hadapan adalah jelas. Perenggan s 28A(2)(c) dan (d) Akta Undang-Undang Sivil 1956 memperuntukkan bahawa:

(c) in awarding damages for loss of future earnings the Court shall take into account:

A
(i) that in the case of a plaintiff who has attained the age of fifty-five years or above at the time when he was injured, no damages for such loss shall be awarded; and in any other case, damages for such loss shall not be awarded unless it is proved or admitted that the plaintiff was in good health but for the injury and was receiving earnings by his own labour or other gainful
B
activity before he was injured;

(ii) only the amount relating to his earnings as aforesaid at the time when he was injured and the Court shall not take into account any prospect of the earnings as aforesaid being increased at some time in the future;

C
(iii) any diminution of any such amount as aforesaid by such sum as is proved or admitted to be the living expenses of the plaintiff at the time when he was injured;

(d) in assessing damages for loss of future earnings the court shall take into account that —

D
(i) in the case of a person who was of the age of thirty years or below at the time when he was injured, the number of years' purchase shall be 16; and

(ii) in the case of any other person who was of the age range extending between thirty-one years and fifty-four years at the time when he was injured, the number of years' purchase shall be calculated by using the
E
figure 55, minus the age of the person at the time when he was injured and dividing the remainder by the figure 2.

[6] Di bawah 'common law', seseorang berhak menuntut ganti rugi
F
disebabkan kehilangan pendapatan masa hadapan tidak kiralah sama ada kehilangan pendapatan sebenar atau kehilangan keupayaan mendapat pendapatan. Ganti rugi tersebut hanya dibenarkan bagi kerugian yang boleh ditaksir secara nyata iaitu kerugian yang dapat dinilai pada tarikh perbicaraan. Scarman LJ di dalam kes *Smith v Manchester Corporation* [1974] 17 KIR 1 ada
G
membuat pemerhatian seperti mana berikut:

> Loss of future earnings or future earning capacity is usually compounded of two elements. The first is when a victim of an accident finds that he or she can, as a result of the accident, no longer earn his or her pre-accident rate of earnings. In such a case, there is an existing reduction in earning capacity that can be calculated as an
H
> annual sum. It is then perfectly possible to form a view as to the working life of the plaintiff and, taking the usual contingencies into account, to apply to that annual sum of loss of earnings, a figure which is considered to be appropriate number of years' purchase in order to reach a capital figure. ...

I
[7] Di negara kita, Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Ngooi Ku Siong & Anor v Aidi Abdullah* [1985] 1 MLJ 30 semasa membezakan kehilangan pendapatan masa hadapan dengan kehilangan keupayaan mendapat pendapatan telah memutuskan:

> There is also a difference between loss of future earnings and loss of earning capacity

> although both items are under general damages. Future loss of earnings or loss of prospective earnings are awarded for real assessable loss ie loss that is capable of assessment at the date of the trial. It must be proved by evidence and not by mere speculation. In the absence of such evidence if the court is satisfied that the plaintiff has suffered a loss of earning capacity, he will be awarded a sum as part of the general damages for his disability suffered as a result of the injuries sustained, instead of compensation for loss of future earnings. It arises where there is a residual risk that the plaintiff might be thrown out of work altogether at some future date. The risk must be real and not speculative or fanciful. Any loss of money is relevant, whether the money is properly described as 'earnings' or not, provided that the money is more than a 'mere possible contingency'. Thus loss of possible contract as opposed to loss of probable contract is not recoverable (see *Kemp and Kemp on the Quantum of Damages* Vol 1 (4th Ed) on pp 122–123). ...

[8] Jelasnya, untuk membolehkan tuntutan bagi ganti rugi kehilangan keupayaan mendapat pendapatan dibenarkan, P1 hendaklah menunjukkan bahawa wujudnya risiko sebenar dan substansial yang dihadapinya bagi untuk memperoleh pendapatan yang sama seperti mana sebelum kecederaan. Bagi tujuan tersebut, keterangan yang ada perlu diteliti. Mengikut P1, pada masa kemalangan dia bekerja sebagai agen jualan di Seng Cycle World Sdn Bhd sejak 1 December 2014 dengan gaji pokok sebanyak RM900 sebulan, tidak termasuk komisen dan elaun lain. Surat pengesahan kerja dan slip gaji dikemukakan masing-masingnya sebagai eksh 'P3' dan 'P4' yang dapat dilihat di ms 91–99 rekod rayuan ('RR').

[9] P1 juga menyatakan bahawa sebagai seorang agen jualan, dia terlibat dengan tugas-tugas jualan. P1 berhenti kerja kerana tidak mampu lagi melakukan tugas-tugas sebagai agen jualan akibat daripada kecederaan yang dialaminya. Persoalannya, adakah tindakan P1 berhenti kerja wajar?

[10] Jika dilihat kepada keterangan perubatan, P1 mengalami beberapa ketidakupayaan selepas kemalangan. Menurut laporan pakar yang disediakan oleh Dr Suntharalingam yang boleh dilihat di ms 76 RR ada menyatakan:

> Muhammad Amirul Asraf bin Selamat will have residual disabilities of his dead, left thigh, left wrist, face. He will have difficulties in undertaking jobs and activities that require prolonged standing, walking, jumping, running, carrying of heavy objects as well as heavy objects as well as heavy lifting and prolonged use of upper limbs. He will also have difficulties in taking part in leisure activities.

Sementara itu, doktor pakar yang dilantik pihak defendan iaitu Dr Vivek Ajit turut melaporkan perkara yang sama seperti yang dapat dilihat di ms 110 RR:

> Patient is able to carry out his daily activities and normal task with the use of his left upper limb and left lower limb but is limited when it comes carrying heavy things and doing strenuous activities with upper limb and prolong walking, prolong

A standing and squatting with the left lower limb.

[11] Berdasarkan kepada keadaan yang dilaporkan kedua-dua pakar perubatan tersebut, nyatalah P1 ada mengalami masalah untuk melakukan kerja yang melibatkan penggunaan kaki untuk satu jangka masa yang lama. Sebagai seorang agen jualan, sudah tentulah P1 perlu menggunakan kudrat kakinya. Oleh itu, tentulah P1 ada masalah untuk melakukan kerja di tempat asal dia bekerja. Tindakan P1 berhenti kerja sememangnya ada kaitan dengan keadaan fizikalnya selepas kemalangan.

[12] Walaupun begitu, tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa P1 tidak boleh bekerja langsung. P1 tidak boleh menggunakan alasan kecederaan yang dialaminya sebagai penghalang untuk meneruskan kehidupannya. Cumanya, dengan adanya kehilangan keupayaan seperti yang dinyatakan di dalam keterangan pegawai perubatan, sedikit sebanyak akan menjejaskan peluang P1 memasuki pasaran pekerjaan dan memperoleh pekerjaan sama seperti sebelum kemalangan. Jadinya, wujud risiko sebenar dan substansial yang dihadapinya P1 untuk memperoleh pendapatan yang sama seperti mana sebelum kecederaan.

[13] Persoalannya, bagaimana penilaian ke atas ganti rugi kehilangan keupayaan P1 harus dibuat? Terdapat dua kaedah yang telah diputuskan mahkamah atasan. Ada yang memberikan jumlah pukal seperti yang diputuskan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Sumarni v Yow Bing Kwong & Anor* [2008] 1 MLJ 608 dan ada yang memberikan ganti rugi berdasarkan jumlah pendapatan yang telah ditolak faktor-faktor yang perlu diambil kira serta kemudiannya didarab pula dengan tahun penggandaan yang telah ditetapkan di bawah undang-undang seperti mana yang diputuskan Mahkamah Agung di dalam kes *Dirkje Peiternella Halma v Mohd Noor bin Baharom & Ors* [1990] 3 MLJ 103.

[14] Walau apa pun kaedahnya, pendapatan asal P1 perlulah dijadikan asas perkiraan. P1 dibayar gaji pokok sebanyak RM900 sebulan sebagai seorang agen jualan. Sekiranya P1 memasuki pasaran kerja, jangkaan bahawa plaintif mendapat pendapatan yang lebih rendah adalah sangat berkemungkinan berdasarkan ketidakupayaan yang dialami akibat kecederaan. Sekiranya dikira dari segi peratusan keupayaan P1 berdasarkan keadaan fizikal selepas kemalangan, kadar pengurangan 35%, iaitu lebih kurang 1/3 pengurangan, adalah sangat munasabah. Pengurangan 35% daripada RM900 adalah sebanyak RM315 yang mana bolehlah dijadikan asas perkiraan ganti rugi. Memandangkan usia P1 adalah kurang daripada 30 tahun semasa kemalangan, tahun penggandaannya mengikut undang-undang adalah 16. Dengan itu, asas perkiraan tahunan adalah di atas kadar RM3,780 (RM315.00 x 12). Jumlah perkiraan tahunan tersebut didarab pula dengan penggandaan 16, jumlahnya

adalah RM60,480. Angka tersebut dibulatkan dan jumlah ganti rugi bagi kehilangan keupayaan yang wajar diberikan kepada P1 adalah RM60,000.

KEPUTUSAN

[15] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan tersebut, keputusan untuk mengurangkan jumlah ganti rugi bagi kehilangan keupayaan P1 mendapat pendapatan di masa hadapan daripada RM80,000 kepada RM60,000 adalah wajar dan munasabah.

Sebahagian rayuan perayu dibenarkan.

Dilaporkan oleh Mohd Kamarul Anwar